

TERMA DAN SYARAT YANG BERKUATKUASA KE ATAS PERKHIDMATAN PENGURUSAN TUNAI (Bagi Pelanggan Akaun Perniagaan sahaja)

Atas pertimbangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad [No. Syarikat 295400-W] ("Bank", yang menurut takrif termasuk pengganti hak milik dan penerima serah hak) untuk menyediakan Perkhidmatan (seperti yang ditakrifkan seterusnya di dalam ini) kepada pemohon ("Pelanggan"), seperti yang dilanggan atau diterima oleh Pelanggan dengan cara yang ditetapkan oleh Bank bagi Perkhidmatan yang berkenaan dari masa ke masa, Pelanggan bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat yang berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan Pengurusan Tunai ("Terma dan Syarat ini").

(A) TERMA DAN SYARAT AM

1. DEFINISI & TAFSIRAN

- 1.1. "Masa yang Ditetapkan" bermakna masa atau tarikh yang ditetapkan oleh Bank bagi mana-mana acara atau peristiwa, termasuk masa atau tarikh penerimaan arahan untuk bayaran, kredit, debit atau mana-mana urusan niaga di bawah atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini.
- 1.2. "Hari Perniagaan" bermakna hari (selain daripada Sabtu, Ahad, cuti bank dan cuti umum) yang mana Bank dan cawangannya dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan di mana urusan niaga yang jenisnya dipertimbangkan di dalam ini dijalankan.
- 1.3. "Cek" termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cek, perintah juruwang, draf bank dan kiriman wang yang perlu dijelaskan mana-mana bank, sama ada terbuka atau berpaling, yang dibayar kepada Pelanggan.
- 1.4. "Akaun" bermakna akaun tertentu yang dibuka dan disenggarakan oleh Pelanggan dengan Bank di mana bayaran yang dikutip di bawah Perkhidmatan hendaklah dikreditkan dan daripada mana pembayaran sebarang yuran dan/atau wang yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah didebitkan, dan termasuk sebarang akaun lain yang dibuka sebagai tambahan atau gantian kepadanya.
- 1.5. "Peralatan" bermakna sebarang peranti atau peralatan yang dibekalkan oleh Bank bagi sebarang Perkhidmatan.
- 1.6. "Hak Harta Intelektual" bermakna semua hak cipta (termasuk hak perisian komputer dan pangkalan data), hak reka bentuk, tanda dagangan, tanda perkhidmatan, hak topografi, paten, nama dagangan, hak moral, hak pengetahuan dan rahsia dagangan dalam setiap kes sama ada berdaftar atau tidak berdaftar, dan termasuk permohonan untuk geran bagi mana-mana di atas dan semua hak atau bentuk perlindungan yang mempunyai kesan yang sama.
- 1.7. "Item Dipulangkan" bermakna sebarang Cek atau instrumen yang ditolak oleh Bank atas sebarang sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (a) Cek tidak lengkap, termasuk tetapi tidak terhad kepada Cek tidak ditandatangani dan/atau Cek tanpa tarikh;
 - (b) Cek yang didepositkan dengan butiran maklumat yang tidak lengkap atau tanpa butiran bayaran berkenaan yang mungkin diperlukan oleh Bank untuk memproses Cek tersebut;
 - (c) sebarang Cek lain yang dianggap tidak boleh diproses mengikut prosedurnya oleh Bank atas budi bicara mutlak dan sepenuhnya; atau
 - (d) sebarang Cek yang dihantar untuk penjelasan tetapi dipulangkan sebagai tidak dibayar atau tidak sah atau Cek tendang atau selainnya.
- 1.8. "Perkhidmatan" bermakna perkhidmatan pengurusan tunai yang disediakan oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini, termasuk Velocity@ocbc, Easi-ProCheck, Easi-DirectDebit, Easi-GIRO dan termasuk sebarang perkhidmatan lain yang mungkin diperkenalkan dari masa ke masa dan/atau

ditawarkan oleh Bank, dan semua perubahan atau perkhidmatan tambahan yang mungkin disediakan oleh Bank dari masa ke masa.

- 1.9. "Perisian" bermakna perisian yang ditawarkan kepada Pelanggan oleh Bank untuk tujuan membuat dan menerima arahan dan menggunakan mana-mana Perkhidmatan, dan hendaklah merangkumi program komputer dalam bentuk kod objek yang boleh dibaca mesin dan fail, cakera, CD-ROM atau media lain dan hendaklah termasuk sebarang pembetulan, penambahbaikan, pindaan atau kemas kini yang dibekalkan kemudiannya oleh Bank kepada Pelanggan menurut Terma dan Syarat ini. Perisian tersebut mungkin merangkumi perisian Bank atau perisian pihak ketiga;
- 1.10. "Bahan" bermakna panduan pengguna, manual, data, proses dan dokumentasi lain yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan sebarang Perisian atau Perkhidmatan.

1.11. TAFSIRAN

- (a) Perkataan yang merujuk kepada bentuk mufrad hendaklah termasuk kata jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan neuter dan begitulah sebaliknya.
- (b) Tajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan mempengaruhi tafsiran Terma dan Syarat ini.
- (c) Melainkan dinyatakan sebaliknya, rujukan kepada waktu dalam sehari hendaklah dianggap sebagai rujukan kepada waktu Malaysia.
- (d) Sebarang rujukan kepada peruntukan mana-mana undang-undang atau statut merangkumi sebarang pindaan mengikut statut atau penggubalan semulanya.
- (e) Apabila terdapat dua atau lebih orang yang termasuk dalam istilah Pelanggan:-
 - i. pernyataan arahan, perjanjian, aku janji, kewajipan yang dikeluarkan, diberikan atau dibuat oleh seorang hendaklah dianggap dikeluarkan atau diberikan atau dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama dan berasingan; dan
 - ii. sebarang notis yang diberikan oleh Bank kepada mana-mana pihak tersebut hendaklah merupakan notis yang memadai kepada semua pemegang akaun dan sebarang notis atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana seorang pemegang akaun kepada Bank hendaklah dianggap dibuat bagi pihak semua pemegang akaun dan Bank berhak untuk bertindak terhadap notis atau arahan tersebut tanpa sebarang pertanyaan.
 - iii. Sekiranya pelanggan telah melantik Pengguna Sah atau Pengguna-pengguna Sah, semua rujukan kepada "Pelanggan" hendaklah juga merujuk kepada Pengguna Sah atau Pengguna-pengguna Sahnya.
- (f) Sebarang peruntukan, kebebasan, kuasa atau budi bicara yang boleh dilaksanakan atau ditentukan oleh Bank di bawah ini hendaklah dilaksanakan atau ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlak Bank pada bila-bila masa dan dari masa ke masa dan Bank tidak bertanggungjawab untuk memberikan sebarang sebab untuknya.

2. KUASA

- 2.1. Bank boleh bergantung pada kuasa setiap orang yang dilantik (dalam bentuk yang boleh diterima oleh Bank) oleh Pelanggan untuk memberi arahan bagi pihak Pelanggan dan mengambil sebarang tindakan lain sehingga Bank telah menerima notis bertulis atau notis lain yang boleh diterima tentang pertukaran mana-mana orang yang diberikan kuasa, dan Bank mempunyai masa yang sewajarnya untuk bertindak (dan selepas itu ia akan bergantung pada perubahan tersebut).

3. ARAHAN

- 3.1. Bank hanya perlu memproses arahan menurut amalan, prosedur dan dasar perniagaan yang biasa dan sudah ditetapkan (secara kolektif, "Prosedur"), yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kod penentusahan, enkripsi, kata laluan, tandatangan digital dan sijil, dan peranti sistem dan perisian keselamatan lain untuk mengesahkan pengesahan (tetapi bukan

kesilapan dalam transmisi dan kandungan, seperti kesilapan nama dan nombor akaun) sebarang arahan.

- 3.2. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebenaran, kesempurnaan dan ketepatan arahan. Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya menentusahkan atau menyemak tujuan dan/atau kandungan mana-mana arahan. Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya bertindak atas arahan yang pada pandangan mutlak Bank adalah tidak lengkap dan/atau tidak dihantar menurut Prosedur dan/atau yang disyaki kandungannya, kebenarannya dan/atau pengasalannya, dan Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Bank terhadap sebarang kerugian, liabiliti, tuntutan atau perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang mungkin ditanggung oleh Bank berhubung dengan arahan sedemikian. Walau apa pun peruntukan Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah berhak menolak sebarang arahan daripada Pelanggan pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.
- 3.3. Pelanggan hendaklah mematuhi semua Masa yang Ditetapkan berkenaan dengan perkara yang dilaksanakan atau tindakan yang diambil berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan memperakui bahawa kesan tidak mematuhi Masa yang Ditetapkan adalah serius dan boleh termasuk arahan tidak diproses atau dilaksanakan dan/atau kegagalan urus niaga dan Pelanggan hendaklah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap semua akibat tersebut. Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa, meminda mana-mana Masa yang Ditetapkan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan.
- 3.4. Sebarang arahan yang dikemukakan oleh Pelanggan adalah tidak boleh dibatalkan dan tidak bersyarat. Jika pelanggan memaklumkan Bank bahawa ia mahu menarik balik, membatalkan atau meminda arahan selepas ia diterima oleh Bank, Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya membantu Pelanggan untuk berbuat demikian, tetapi tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan tidak kira sama ada Bank dapat melaksanakannya atau sebaliknya. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membayar ganti rugi terhadap sebarang kerugian, liabiliti, tuntutan atau perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang mungkin ditanggung olehnya berhubung dengan usaha membantu pelanggan menarik balik, membatalkan atau meminda sebarang arahan.
- 3.5. Dengan bertindak atas arahan dan menyediakan Perkhidmatan, Bank diberi kuasa untuk menggunakan sebarang sistem komunikasi, pemprosesan atau urus niaga, bank perantara dan/atau pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada FPX Gateway Sdn Bhd) (secara kolektif, "Peserta Pihak Ketiga") yang dipilih dengan sewajarnya. Pemprosesan sebarang arahan dan peruntukan sebarang perkhidmatan hendaklah juga tertakluk kepada terma dan syarat, prosedur, kelulusan, tindakan dan/atau kerjasama Peserta Pihak Ketiga, dan Bank tidak akan, atas apa jua sebab (walaupun jika dimaklumkan tentangnya) menanggung sebarang liabiliti terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana pihak bagi terma dan syarat, prosedur, dan/atau kelulusan, dan/atau tindakan, kerjasama, ketinggalan dan/atau ketepatan masa Peserta Pihak Ketiga, yang mana berkenaan.

4. LESEN

- 4.1. Di mana berkenaan, Bank dengan ini memberikan kepada Pelanggan lesen peribadi, tidak eksklusif, tidak boleh dipindahkan untuk menggunakan mana-mana (a) Perisian; dan/atau (b) Bahan. “Menggunakan” dalam Fasal 4.1 hendaklah bermakna mengakses, memasang, memuat turun, menyalin atau mendapat manfaat selainnya daripada fungsi Perisian menurut Prosedur dan Bahan dalam konfigurasi dan berasaskan skop yang dibekalkan oleh Bank kepada Pelanggan. Dengan syarat dalam segala hal bahawa hak untuk menyalin ditawarkan hanya bagi Perisian (bukan Bahan) kepada bentuk boleh dibaca oleh mesin, dan hendaklah terhad kepada satu salinan sandaran dalam cakera padat (“CD”) atau disket komputer (“Disket”) dan tertakluk kepada Pelanggan meletakkan semua notis hak cipta, kerahsiaan dan hak milik yang muncul dalam perisian asal pada salinan tersebut.
- 4.2. Pelanggan memperakui bahawa Perisian dan Bahan tidak direka cipta atau bertujuan untuk digunakan dalam atau untuk sebarang peralatan, mesin atau untuk tujuan yang tidak sesuai dengan Perisian dan Bahan dibekalkan oleh Bank kepada Pelanggan, dan Pelanggan hendaklah tidak menggunakan atau membenarkan atau menyebabkan penggunaan Perisian dan Bahan tersebut. Kecuali dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini, Pelanggan tiada hak untuk menggunakan, membuat, melesenkan semula, meminda, memindah, menyewakan, memajak, menjual, memaparkan, mengedarkan atau menyalin salinan asal atau salinan pendua Perisian atau Bahan, atau membenarkan atau menyebabkan orang lain berbuat demikian. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Perisian hanya digunakan dengan media, kandungan dan alat penciptaan kandungan yang mempunyai lesen sewajarnya.
- 4.3. Walau apa pun peruntukan yang terkandung di dalam ini, Pelanggan tidak berhak menerima sebarang khidmat penyenggaraan atau sokongan bagi Perisian atau sebarang pembetulan, naik taraf, pengubahsuaian atau kemas kini di bawah Terma dan Syarat ini. Jika sebarang pembetulan, naik taraf, pengubahsuaian atau kemas kini Perisian ditawarkan kepada Pelanggan, maka semua yang disebutkan ini tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

5. PERALATAN

- 5.1. Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan, penggunaan betul dan penyenggaraan sebarang peralatan (termasuk perkakasan dan perantit keselamatan) yang dikendalikan oleh Pelanggan (sama ada dibekalkan oleh Bank atau tidak) dan untuk memastikan bahawa peralatan tersebut bebas virus dan tidak menyebarkan sebarang virus. Pelanggan hendaklah menyenggara dan menggunakan semua peralatan dengan cara yang dinyatakan dalam Bahan dan Prosedur dan berhubung dengan Perkhidmatan yang berkenaan. Semua Peralatan hendaklah dibekalkan atas perbelanjaan Pelanggan.

6. PEMILIKAN

- 6.1. Pelanggan memperakui bahawa Perisian, Bahan dan Peralatan (sama ada dibuat dan/atau dicipta oleh Bank, Pelanggan atau mana-mana pihak) dan semua Hak Harta Intelektual yang melindungi atau berkaitan dengan semua aspek Perisian dan Bahan, adalah dan hendaklah kekal menjadi milik eksklusif Bank, dan di mana berkenaan, pembekal Bank. Terma dan Syarat ini tidak memberikan hak milik atau pemilikan kepada Pelanggan, tetapi sebaliknya memberikan Pelanggan hak terhad seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Bank mengekalkan segala hak yang tidak dinyatakan secara tersurat dalam Terma dan Syarat ini.
- 6.2. Pelanggan tidak boleh mengeluarkan, mengubah atau membenarkan atau menyebabkan pengeluaran atau perubahan sebarang notis paten, hak cipta atau tanda dagang atau notis harta intelektual lain yang mungkin tertera pada mana-mana Perisian atau Bahan. Pelanggan tidak boleh mengulang cipta menerusi kejuruteraan balikan, merungkai enkripsi, menyahkompilan, menyahhimpunan atau dengan cara lain mentafsirkan atau cuba merungkai kod asas, idea asas, teknik antara muka asas atau logaritma Perisian dengan apa jua cara, sama ada secara

langsung atau tidak langsung, atau mendedahkan mana-mana daripada di atas, atau membenarkan atau menyebabkan orang lain berbuat demikian.

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1. Bank tidak menjamin capaian kepada sebarang sistem komunikasi, pemprosesan atau urus niaga termasuk yang ditawarkan oleh Bank dan tidak menanggung sebarang liabiliti kepada Pelanggan atas ketiadaan atau gangguan sebarang sistem komunikasi tersebut atau sebarang kelewatan atau gangguan yang berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan. Bank hendaklah bertanggungjawab terhadap kegagalan untuk bertindak dengan niat baik atau kerana kecuaiannya apabila menyediakan Perkhidmatan menurut Terma dan Syarat di dalam ini, dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada tidak langsung, berkaitan atau diakibatkan (termasuk kehilangan keuntungan atau peluang, ganti rugi punitif atau khas) atau selainnya, walaupun dimaklumkan tentang kemungkinan kerugian atau kerosakan sedemikian.
- 7.2. Tertakluk kepada peruntukan Terma dan Syarat ini, jika Bank melanggar mana-mana jaminan atau terma Perkhidmatan, maka Bank akan memproses semula atau menghantar semula arahan atau urus niaga yang terjejas tanpa kos tambahan kepada Pelanggan. Ini merupakan satu-satunya remedi Pelanggan dan satu-satunya tanggungjawab Bank jika Bank melanggar mana-mana jaminan atau terma Perkhidmatan.
- 7.3. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga:-
- (a) bagi sebarang kesulitan, kecederaan, sebarang kerosakan, kehilangan untung atau pendapatan (sama ada secara langsung atau tidak langsung), muhibah atau sebarang kerugian atau ganti rugi khas/teladan, langsung atau turutan walau apa pun dan walau bagaimana ia berlaku sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipan di bawah Terma dan Syarat atau menyediakan sebarang Perkhidmatan yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kerana kejadian *Force Majeure*,
 - (b) bagi sebarang perbelanjaan, kerugian, kerosakan, liabiliti atau kesan lain yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak lain jika jumlah dikreditkan atau didebitkan daripada Akaun berkurangan nilainya kerana cukai, susut nilai atau tidak boleh digunakan kerana sekatan (walau bagaimana ia timbul) terhadap pertukaran, pemindahan bukan sukarela, sebarang bentuk penyitaan atau *Force Majeure*,

dan dalam kes tersebut, kewajipannya hendaklah digantung selagi kejadian *Force Majeure* berterusan (dengan syarat ini tidak menghalang pengumpulan faedah/untung atas jumlah prinsipal yang perlu dibayar bagi peruntukan ini). Bank hendaklah memaklumkan Pelanggan dengan segera tentang kewujudan kejadian *Force Majeure* dan hendaklah berunding dengan Pelanggan untuk mencari penyelesaian yang dipersetujui bersama. Dalam keadaan di mana mata wang sebut harga bagi tanggungan pembayaran Bank tidak didapati kerana sekatan terhadap pertukaran, pemindahan, pemindahan bukan sukarela, sebarang bentuk penyitaan atau *Force Majeure*, Bank hendaklah dianggap telah memenuhi kewajipan pembayaran dengan membuat bayaran dalam mata wang lain yang dianggap wajar oleh Bank.

“*Force Majeure*” bermakna sebarang sebab yang di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada, ketiadaan sebarang sistem komunikasi, kegagalan sebarang alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian transmisi, kegagalan atau gangguan kepada kuasa atau utiliti atau sistem komunikasi atau transmisi, sabotaj, kebakaran, banjir, gempa bumi, letupan, bencana alam, kekacauan awam, mogok, sebarang bentuk pertikaian awam atau perindustrian, rusuhan, kebangkitan, embargo, tindakan keganasan, peperangan, tindakan atau pelaksanaan sebarang kuasa kerajaan, tentera atau rampasan kuasa, tuntutan atau sebarang sekatan wang atau kawalan tukaran.

- 7.4. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa, Bank secara khususnya menolak sebarang jaminan, syarat atau pernyataan (sama ada secara tersurat, tersirat atau berkanun, atau secara lisan atau bertulis) berkenaan dengan Perisian atau Bahan atau Peralatan

termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang atau semua jaminan berkaitan kebolegunaan atau kesesuaian untuk tujuan khusus (sama ada diketahui oleh Bank atau tidak, ada sebab untuk mengetahui, telah dinasihatkan atau sedar tentang sebarang keadaan sedemikian) atau syarat hak milik atau ketiadaan pelanggaran sama ada yang didakwa timbul menerusi penguatkuasaan undang-undang, mengikut kelaziman atau penggunaan dagangan atau semasa urus janji, atau Perisian/Peralatan akan beroperasi dengan betul dengan perkakasan atau perisian lain atau akan beroperasi tanpa gangguan atau kesilapan. Bank juga dengan nyata menafikan sebarang jaminan atau pernyataan secara tersurat atau tersirat terhadap mana-mana pihak selain daripada Pelanggan.

- 7.5. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang bentuk tuntutan berkaitan dengan Perisian atau Bahan atau Peralatan, termasuk sebarang kuasa tindakan berasaskan jaminan, kontrak, tort, liabiliti ketat, pelanggaran paten atau hak cipta atau salah guna hak milik intelektual. Baik Bank mahupun pembekalnya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang ganti rugi turutan, berkaitan, tidak langsung, khas, teladan atau punitif, sama ada secara kontrak, tort (termasuk kecuai) atau selainnya, atau untuk sebarang kehilangan untung, kehilangan simpanan atau kehilangan data yang timbul daripada Terma dan Syarat ini atau penggunaan (atau kegagalan menggunakan) Peralatan atau Perisian atau Bahan.

8. MAKLUMAT SULIT

- 8.1. Pelanggan memperakui bahawa Perkhidmatan, Perisian, Bahan, Peralatan, Hak Harta Intelektual, data dan sebarang maklumat yang disediakan untuk dan dibekalkan oleh Pelanggan berhubung dengan mana-mana Perkhidmatan atau Terma dan Syarat ini (secara kolektif, "Maklumat Rahsia") hendaklah membentuk dan mengandungi rahsia produk dan perdagangan hak milik Bank dan/atau pembekalnya, yang merangkumi usaha kreatif dan maklumat, idea dan pernyataan sulit.
- 8.2. Pelanggan akan memastikan bahawa semua Maklumat Sulit akan dikekalkan rahsia dan mengehadkan akses kepada kakitangannya (atas syarat kerahsiaan yang sama) yang memerlukan akses kerana urusan pekerjaan biasa kecuali jika Maklumat Sulit tersebut sudah diketahui umum atau Pelanggan diperlukan untuk melakukan sebaliknya di bawah proses undang-undang atau kehakiman, dan menggunakannya dengan cara yang ditetapkan oleh Bank dalam urusan perniagaan biasa Pelanggan. Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis jika ia mendapati atau mengesyaki bahawa Maklumat Rahsia telah atau mungkin didedahkan kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan.

9. PERNYATAAN

- 9.1. Pelanggan dan Bank masing-masing membuat pernyataan pada tarikh permohonan bagi Perkhidmatan ini diterima oleh Bank dan Perkhidmatan digunakan atau disediakan bahawa:-
- (a) masing-masing ditubuhkan secara sah dan berada dalam kedudukan yang baik di negara penubuhan atau pendaftarannya;
 - (b) masing-masing mempunyai kuasa dan kebenaran untuk bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan menunaikan kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (c) persetujuan dengan Terma dan Syarat ini dibuat dengan kuasa sewajarnya pada masa perjanjian dan Terma dan Syarat ini merupakan kewajipan yang sah, sah dan mengikat kedua-duanya;
 - (d) sebarang keizinan, kebenaran atau arahan yang diperlukan berhubung dengan Terma dan Syarat ini telah disediakan;
 - (e) sebarang tindakan yang perlu dilakukan atas arahan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berhubung dengan Terma dan Syarat ini telah dilakukan atau akan dilakukan (dan akan diperbaharui jika perlu); dan

- (f) pelaksanaan Terma dan Syarat ini tidak akan melanggar atau mencabuli mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan atau perjanjian lain yang berkuatkuasa.

10. PENGIKLANAN

- 10.1. Baik Pelanggan mahupun Bank tidak akan memaparkan nama, tanda dagangan atau tanda perkhidmatan pihak yang satu lagi tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak tersebut. Pelanggan tidak harus mengiklankan atau mempromosikan sebarang perkhidmatan tanpa kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu.

11. PENDEDAHAN

- 11.1. Tertakluk kepada arahan nyata daripada Pelanggan untuk menghadkan pendedahan, Pelanggan dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan dan membenarkan Bank dan pegawainya untuk mendedahkan kedudukan kewangan Pelanggan, butiran akaun Pelanggan, hubungan akaun dengan Bank termasuk baki kredit kepada Bank Negara Malaysia, Biro Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tendang (DCHEQS), Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), mana-mana biro atau syarikat lain yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit atau maklumat lain, Polis, mana-mana pihak berkuasa/badan kerajaan atau kawal selia lain di Malaysia atau di tempat lain, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (CGC), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), mana-mana penjamin, sesiapa yang telah memberikan atau akan memberikan cagaran bagi liabiliti Pelanggan di bawah mana-mana Akaun, pihak yang mencadangkan atau berhasrat membuat atau mengemukakan bayaran untuk melangsaikan liabiliti Pelanggan kepada Bank, syarikat yang berkaitan dengan Bank menerusi Seksyen 6, Akta Syarikat 1965 atau mana-mana syarikat berkaitan/bersekutu Bank atau syarikat induknya (Bank serta syarikat berkaitan/bersekutu di atas dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan OCBC"), pihak yang membekalkan atau bercadang untuk membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan kepada mana-mana ahli Kumpulan OCBC, ejen, subejen, bank wakil, bank tempatan, penama, peguam, penjaga, ejen pengutip hutang, bagi mana-mana syarikat di bawah Kumpulan OCBC, penerima serah hak Bank atau Kumpulan OCBC, pembeli atau bakal pembeli dan pengganti hak milik masing-masing pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti setakat dan untuk tujuan yang dianggap atas budi bicara mutlaknya perlu atau wajar. Pelanggan dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan dan membenarkan Bank dan pegawainya untuk menjalankan pemeriksaan kredit dan mendedahkan hubungan akaunnya dengan Bank kepada mana-mana pihak atas budi bicara mutlaknya untuk tujuan mengesahkan maklumat, permohonan untuk Akaun, Perkhidmatan dan sebarang urus niaga dagangan.
- 11.2. Bank hendaklah berhak, sekiranya dibenarkan di bawah undang-undang, dan Pelanggan dengan ini memberikan persetujuan tidak bersyarat dan tidak boleh dibatalkan dan membenarkan Bank untuk menggunakan atau mengguna pakai, tanpa memberikan sebarang notis kepada Pelanggan, sebarang maklumat berkaitan dengan Pelanggan yang telah dikutip, dikumpulkan, diterima, dirakam, disusun, dijamin dan/atau diperolehi oleh Bank menerusi atau mengikut apa jua cara dan kaedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat e-mel, nama, nombor telefon bimbit dan sebagainya, untuk tujuan yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya dari masa ke masa.
- 11.3. Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi (termasuk ganti rugi langsung atau tidak langsung atau kehilangan untung atau simpanan) atau liabiliti walau macam mana ia timbul sama ada menerusi kontrak, tort atau atas sebarang cara lain atau berhubung dengan sebarang pendedahan maklumat oleh Bank, atau kerana maklumat adalah tidak betul, salah atau disalah nyata.

12. YURAN, FAEDAH DAN CAJ LAIN

- 12.1. Bank boleh mengenakan yuran ke atas Pelanggan dari masa ke masa untuk menyediakan Perkhidmatan menurut sebarang jadual yuran, surat atau cadangan yang dipersetujui oleh Pelanggan dan Bank dari masa ke masa. Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank semua yuran (termasuk sebarang komisen pertukaran dalaman), faedah dan sebarang jumlah yang dihutang atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan Perkhidmatan, bebas daripada potongan dan tidak termasuk sebarang cukai yang berkuatkuasa dari masa ke masa, yang menjadi tanggungjawab Pelanggan.
- 12.2. Tertakluk kepada Fasal 12.1, Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank sebarang caj, komisen atau yuran yang mungkin dikenakan atau diubah oleh Bank dari masa ke masa atas budi bicara mutlaknya dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan, sebarang perbelanjaan tunai langsung, kos atau perbelanjaan lain (termasuk kos guaman antara peguam dan pelanggan yang dibayar atas dasar indemniti penuh) yang ditanggung oleh Bank, dan semua cukai nilai tambah, duti kastam dan eksais dan cukai barangan dan perkhidmatan serta sebarang cukai lain yang berkenaan, apa jua bentuk levi atau caj yang dikenakan sekarang atau seterusnya di bawah undang-undang atau yang perlu dibayar berkaitan dengan mana-mana urusan niaga, perkhidmatan, produk, arahan atau penguatkuasaan oleh Bank tentang haknya di bawah Terma dan Syarat ini. Pelanggan dengan ini membenarkan Bank untuk memotong semua atau sebarang bayaran yang disebutkan di atas daripada Akaun Pelanggan pada bila-bila masa, dari masa ke masa atas budi bicara mutlaknya dan dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan.

12A. Liabiliti

Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank, kakitangan, pengarah, pembekal dan ejennya secara penuh dan lengkap terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguam dan pelanggan sendiri atas dasar bayaran ganti penuh) dan semua liabiliti lain dalam apa jua bentuk atau keterangan yang mungkin diambil atau ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan penyediaan Perkhidmatan atau yang timbul dengan apa jua cara daripada Terma dan Syarat ini. Liabiliti Pelanggan adalah merupakan liabiliti berterusan dan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, jika ada, dilepaskan sepenuhnya.

13. PENAMATAN

- 13.1. Salah satu pihak boleh menamatkan mana-mana atau semua Perkhidmatan dalam masa 30 hari (atau tempoh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank) dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi. Mana-mana pihak dengan ini boleh menamatkan mana-mana atau semua perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis, sekiranya:
- (a) pihak yang satu lagi tidak lagi menjalankan perniagaannya
 - (b) pihak yang satu lagi mengadakan mesyuarat penghutang atau terpaksa mengadakan mesyuarat atau menghadapi tindakan lain dengan matlamat pembubaran atau kemuflihan, kecuali berkaitan dengan Bank, untuk tujuan dan disusuli oleh penggabungan dan penyusunan semula;
 - (c) prosiding dimulakan untuk pelantikan penerima, atau penerima dan pengurus, atau pengurus kehakiman terhadap pihak yang satu lagi atau mana-mana asetnya;
 - (d) sebarang tindakan distres atau pelaksanaan dikenakan atas barangan atau aset pihak lain dan distres atau pelaksanaan tersebut tidak dilepaskan dalam masa 21 hari selepas itu atau pihak yang satu lagi membuat atau cuba membuat persetujuan atau perjanjian dengan pemiutangnya;
 - (e) berlaku kemungkiran nyata mana-mana peruntukan, jaminan atau pernyataan yang terkandung di dalam ini oleh pihak yang satu lagi, seperti enggan membuat atau

mengabaikan jumlah yang dihutang dan perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini, dan kemungkiran tersebut diabaikan atau tidak diperbetulkan dalam tempoh notis bertulis 14 hari yang diberikan oleh pihak yang menamatkan perkhidmatan;

- (f) penamatan perlu dibuat menurut undang-undang, peraturan, garis panduan, peraturan dan arahan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa berwibawa (sama ada ia mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) dan;
- (g) pihak yang satu lagi menjadi atau diisytiharkan atau dianggap mufliis atau meninggal dunia.

Tertakluk kepada perkara di atas, tiada yang terkandung di dalam ini mewajibkan Bank untuk menyediakan atau terus menyediakan, dan Bank boleh menamatkan atau tidak lagi menyediakan mana-mana Perkhidmatan pada bila-bila masa. Bank boleh membatalkan sebarang pemberian kredit yang disediakan berhubung dengan Perkhidmatan pada bila-bila masa selepas memberikan notis.

- 13.2. Selepas Perkhidmatan ditamatkan secara sepenuhnya atau sebahagian, Pelanggan hendaklah memulangkan kepada Bank semua Maklumat Sulit, Perisian, Bahan dan Peralatan, dalam masa 5 Hari Perniagaan dan semua hak yang diberikan di bawah Terma dan Syarat ini untuk Perkhidmatan yang ditamatkan atau bahagiannya yang ditamatkan akan serta-merta kembali kepada Bank. Bank boleh (yang mana wajar) serta-merta mengambil Maklumat Sulit, Perisian, Bahan dan/atau Peralatan yang dibekalkan oleh Bank dan semua salinannya, dengan syarat Bank telah meminta pemulangannya terlebih dahulu dan memberikan notis bertulis 5 Hari Perniagaan tentang hasrat untuk mengambil balik miliknya. Semua peruntukan sekatan dalam Terma dan Syarat ini, yang pada hakikatnya harus kekal, seperti jaminan, penafian, had liabiliti, kerahsiaan, undang-undang berkuatkuasa akan diteruskan walaupun Perkhidmatan yang berkaitan ditamatkan.

14. RAMPAIAN

- 14.1. Bank berhak untuk meminda, mengubah, menambah dan/atau menggantikan Terma dan Syarat ini, sebarang Perkhidmatan, Bahan dan Prosedur, dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis menerusi apa jua cara atau kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank, termasuk melalui surat, pemberitahuan di media massa atau di cawangan Bank, komunikasi elektronik, atau catatan di laman web Bank. Perubahan sedemikian hendaklah berkuatkuasa pada tarikh kuatkuasa yang dinyatakan oleh Bank dan dianggap diterima tanpa keraguan apabila Pelanggan tidak menamatkan Perkhidmatan yang berkenaan.
- 14.2. Jika mana-mana peruntukan dianggap sebagai menyalahi, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam segala hal di bawah undang-undang, peruntukan tersebut adalah tidak berkesan setakat ketaksahan, larangan atau sekatan penguatkuasaan tanpa membatalkan dengan apa jua cara peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini.
- 14.3. Penerimaan sebarang arahan Pelanggan oleh Bank atau tindakan Bank melepaskan mana-mana haknya atau sebarang kelonggaran yang diberikan kepada Pelanggan tidak akan menghalang Bank daripada menguatkuasakan haknya di bawah Terma dan Syarat ini atau tidak dianggap sebagai persetujuan untuk meminda mana-mana bahagian yang berkaitan dan sebarang pelaksanaan tunggal atau sebahagian mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan tidak menghalang sebarang tindakan selanjutnya untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa atau keistimewaan lain. Hak dan remedi yang disediakan di dalam ini adalah kumulatif dan tidak mengecualikan mana-mana hak atau remedi lain yang diberikan di bawah undang-undang.
- 14.4. Baik Pelanggan mahupun Bank boleh menggunakan rakaman telefon atau elektronik sebagai bukti dalam mana-mana prosiding yang dibawa berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan

Pelanggan dengan ini bersetuju dengan rakaman atau pemantauan telefon atau elektronik Bank untuk tujuan keselamatan dan kualiti perkhidmatan.

- 14.5. Atas budi bicaranya, Bank boleh memberikan sebarang makluman atau notis kepada Pelanggan menerusi apa jua cara atau kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad menerusi pos, pemberitahuan di media massa, dengan memaparkan notis di cawangan Bank, dengan memasukkan notis ke dalam penyata akaun berkala, menerusi transmisi elektronik (termasuk menerusi faksimile, telefon bimbit, peralatan lain atau Internet) atau dengan memaparkannya di laman web atau ATM Bank atau terminal lain yang berada di bawah kawalan Bank.
- 14.6. Notis atau komunikasi sedemikian daripada Bank:-
- (a) jika dihantar menerusi pos atau kiriman tangan atau kurier hendaklah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan jika dialamatkan kepada Pelanggan di alamat yang didaftarkan dengan Bank dan penyerahan dianggap telah dibuat:-
 - i. dalam masa 3 hari selepas diposkan jika dihantar di dalam Malaysia dan dalam masa 5 hari selepas diposkan jika dihantar ke luar Malaysia; atau
 - ii. pada hari yang sama jika ditinggalkan di alamat Pelanggan yang didaftarkan dengan Bank jika dihantar menerusi kiriman tangan atau kurier atau;
 - (b) jika dihantar menerusi komunikasi elektronik (termasuk faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau menerusi Internet), hendaklah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan selepas penghantaran atau transmisi kepada nombor faksimile, telefon/alat bimbit, alamat Internet atau alamat atau akses lain yang didaftarkan oleh Pelanggan dengan Bank dan perkhidmatan dianggap telah dilaksanakan sejurus selepas transmisi; atau
 - (c) jika dipaparkan di cawangan, di laman web Bank atau di media massa, notis sedemikian hendaklah dianggap telah dibuat pada tarikh yang dinyatakan pada notis dan jika tiada tarikh dinyatakan, pada tarikh pencatatan atau penerbitan.
- 14.7. (a) Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat Utama Bank yang berkuatkuasa ke atas Akaun dan Perkhidmatan. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Utama yang berkuatkuasa ke atas Akaun dan Perkhidmatan, Terma dan Syarat ini hendaklah diguna pakai berkenaan dengan Perkhidmatan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini. Terma dan Syarat ini menggantikan semua terma dan syarat sebelumnya yang berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan yang disediakan di dalam ini, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank.
- (b) Terma dan Syarat ini hendaklah diguna pakai sebagai tambahan kepada dan tidak akan menjejaskan sebarang perjanjian antara Pelanggan dan Bank atau terma dan syarat sebarang perkhidmatan atau kemudahan yang tidak disediakan di bawah Terma dan Syarat ini. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara terma dan syarat tersebut dan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini (seperti yang dipinda dan ditambah dari semasa ke semasa) akan diguna pakai.
- (c) Pengendalian berterusan atau tindakan tidak menutup/menamatkan Perkhidmatan oleh Pelanggan selepas tarikh efektif perubahan Terma dan Syarat tersebut hendaklah dianggap membentuk penerimaan perubahan tersebut tanpa keraguan oleh Pelanggan. Pelanggan tidak boleh mengubah atau meminda Terma dan Syarat ini dalam apa jua bentuk atau cara walaupun jika Bank menerima notis perubahan atau pindaan tersebut.

- 14.8. (a) Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat pewaris, wakil peribadi dan pengganti hak milik Pelanggan serta pengganti hak milik dan penerima serah hak Bank. Pelanggan tidak berhak untuk menyerahkan atau memindahkan mana-mana hak, kepentingan atau kewajipannya di bawah perjanjian ini.
- (b) Penyusunan Semula Bank: Kewajipan dan liabiliti Pelanggan hendaklah terus sah dan mengikat untuk segala tujuan walau apa pun perubahan menerusi penggabungan, penyusunan semula atau selainnya yang mungkin dibuat kepada perlembagaan Bank atau oleh mana-mana syarikat di mana perniagaan Bank mungkin dijalankan dari masa ke masa dan akan disediakan kepada syarikat yang menjalankan perniagaannya buat sementara waktu.
- 14.9. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbirkan dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi semasa menguatkuasakan Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah mempunyai kebebasan untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Pelanggan di Malaysia dan/atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai atas budi bicara mutlaknya dan pihak terlibat bersetuju untuk terikat kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.

15. HARI & WAKTU PERNIAGAAN

- 15.1. Hari Perniagaan, waktu operasi Bank dan ketersediaan Perkhidmatan boleh dilanjutkan, diubah atau dipinda menurut keperluan perniagaan dan operasi tanpa memberitahu mana-mana satu pihak.
- 15.2. Kebolehpercayaan maklumat – Maklumat, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kadar faedah, kadar tukaran, dan maklumat produk yang disebut harga di laman web Bank atau disediakan oleh Perkhidmatan adalah sebagai petunjuk sahaja. Kadar atau harga sebenar yang berkuatkuasa bagi urus niaga khusus hanya boleh ditentukan pada masa urus niaga dibuat.

(B) TERMA DAN SYARAT KHUSUS

1. Velocity@ocbc

- 1.1. *Velocity@ocbc* memudahkan transmisi maklumat, arahan bayaran, perutusan dan makluman lain (setiap satu “Komunikasi”) dan capaian kepada sistem komunikasi, pemprosesan atau urus niaga yang dikendalikan atau disediakan oleh Bank, dalam segala bentuk walau di mana lokasinya, dan jika berkenaan, memberi lesen kepada Pelanggan untuk mencapai data menerusi Internet dan/atau menggunakan sebarang perisian yang disediakan oleh Bank.
- 1.2. Bagi mana-mana perkhidmatan yang dipersetujui (“Perkhidmatan”), Bank akan membekalkan kepada Pelanggan panduan pengguna, manual, data, proses dan dokumentasi lain (“Bahan”) dan sebarang perjanjian perkhidmatan yang lain. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian antara mana-mana perjanjian perkhidmatan tersebut dan Terma dan Syarat ini, perjanjian perkhidmatan tersebut hendaklah diguna pakai bagi Perkhidmatan yang berkenaan. Bahan boleh dipinda oleh Bank dari masa ke masa dan Bank hendaklah memaklumkan Pelanggan tentang sebarang pindaan.
- 1.3. Pelanggan bersetuju dengan prosedur dan amalan, termasuk penggunaan kod pengesahan, enkripsi, kata laluan, tandatangan digital dan sijil, dan peranti keselamatan, sistem dan perisian lain (“Prosedur”), yang dirangka untuk menentusahkan pengasalan Komunikasi yang dihantar oleh Pelanggan dan Bank. Pelanggan mengakui risiko yang dikaitkan dengan penghantaran komunikasi dan akan mematuhi Prosedur berhubung dengan setiap komunikasi.

- 1.4. Jika pelanggan mematuhi Prosedur berkaitan dengan Komunikasi, Bank hendaklah layak untuk bertindak menurut Komunikasi dan tidak diwajibkan untuk menentusahkan kandungan Komunikasi, untuk mengenal pasti identiti orang yang memberikannya atau menunggu sebarang pengesahan bertulis Komunikasi yang hendak diberikan oleh Pelanggan. Di samping itu, dengan syarat Pelanggan mematuhi Prosedur, Bank tidak akan bertanggungjawab kerana bertindak menurut sebarang Komunikasi yang dihantar atas nama Pelanggan, dan Pelanggan bersetuju untuk terikat kepadanya. Bank boleh bertindak menurut Komunikasi dengan merujuk kepada nombor akaun sahaja, walaupun jika nama akaun juga disediakan.
- 1.5. Bank tidak diwajibkan untuk bertindak menurut sebarang Komunikasi yang tidak dihantar mengikut Prosedur. Bank boleh bertindak menurut Komunikasi yang tidak lengkap sekiranya, atas pandangan wajar Bank, ia mengandungi maklumat secukupnya. Bank tidak bertanggungjawab untuk mencari, dan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kesilapan atau ketinggalan yang dibuat oleh Pelanggan atau penduaan sebarang Komunikasi oleh Pelanggan.
- 1.6. Bank boleh enggan melaksanakan sebarang Komunikasi di mana Bank dengan sewajarnya meragui kandungan, kuasa, pengasalan atau pematuhannya kepada Prosedur. Bank akan memberikan notis segera, sama ada menerusi telefon, kepada Pelanggan tentang sebarang Komunikasi yang ditolak itu.
- 1.7. Jika Pelanggan memaklumkan Bank tentang hasratnya menarik balik, membatalkan atau meminda Komunikasi selepas ia telah diterima oleh Bank, maka Bank boleh menggunakan usaha sewajarnya untuk membantu Pelanggan untuk berbuat demikian, tetapi tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan jika Bank tidak dapat atau gagal meminda, membatalkan atau menarik balik Komunikasi tersebut. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap sebarang kerugian, liabiliti, tuntutan atau perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang mungkin ditanggung berhubung dengan usaha membantu Pelanggan menarik balik, membatalkan atau meminda Komunikasi.

2. Easi-ProCheck

- 2.1. Di bawah *Easi-ProCheck*, Bank akan membekalkan Pelanggan dengan cek yang dipracetak di atas helaian saiz A4 yang berasingan dan cerai (atau sebarang saiz lain yang boleh dianggap sesuai dari masa ke masa oleh Bank) dan tidak terjilid, dan perisian penulisan cek untuk memproses dan mencetak butiran cek ke atas cek yang dipracetak. Bersama penyediaan perkhidmatan *Easi-ProCheck*, Pelanggan akan diberikan lesen peribadi yang tidak eksklusif dan tidak boleh dipindahkan untuk menggunakan perisian penulisan cek untuk memproses dan mencetak arahan pembayarannya ke atas cek yang dipracetak.
- 2.2. Semua cek yang diminta oleh Pelanggan akan dibekalkan oleh Bank dalam helaian cerai dan tidak berjilid. Jika Pelanggan memerlukan cek terjilid, maka Pelanggan hendaklah membuka akaun cek berasingan yang tidak akan dihubungkan kepada *Easi-ProCheck*. *Easi-ProCheck* tidak akan diguna pakai bagi sebarang cek dalam jilid buku.
- 2.3. Walau apa pun peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, perkhidmatan *Easi-ProCheck* dianggap ditamatkan apabila akaun cek di mana *Easi-ProCheck* dihubungkan ditutup. Sebarang caj, komisen, yuran, belanja, cukai, duti dan sebarang wang lain yang dibayar kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan dipulangkan dengan penamatan perkhidmatan *Easi-ProCheck*.

3. EASI-DIRECTDEBIT

- 3.1. Easi-DirectDebit ialah perkhidmatan kutipan bayaran yang disediakan oleh Bank menggunakan sistem yang diuruskan oleh FPX Gateway Sdn Bhd. Easi-DirectDebit hanya disediakan kepada Pelanggan yang pendaftaran perkhidmatan FPX adalah sah dan berterusan dan belum ditamatkan.

- 3.2. Pelanggan dengan ini membenarkan Bank untuk mengutip bayaran daripada akaun mana-mana orang ("Pembayar") menurut arahan yang diberikan oleh Pelanggan dan mengkreditkan ke dalam akaun Pelanggan menerusi Easi-DirectDebit. Semua pengkreditan, hendaklah, melainkan dianggap sesuai oleh Bank, hanya dibuat ke dalam akaun Pelanggan pada Hari Perniagaan.
- 3.3. Sebarang arahan daripada Pelanggan untuk mengutip bayaran menerusi Easi-DirectDebit:-
- (a) hendaklah disertakan dengan CD atau Disket mengandungi maklumat sedemikian ("Maklumat") termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan Pembayar (seperti nama, nombor akaun, institusi kewangan di mana akaun disenggarakan, jumlah perlu dikutip daripadanya). Dalam Terma dan Syarat ini, rujukan kepada "arahan" hendaklah, melainkan dinyatakan dengan khusus sebaliknya atau diperlukan berasaskan konteks, termasuk "maklumat";
 - (b) bayaran yang dikutip mesti dikreditkan ke dalam akaun Ringgit Pelanggan yang diselenggarakan dengan Bank;
 - (c) tertakluk kepada akaun dikendalikan dengan cara yang memuaskan;
 - (d) hendaklah dengan cara dan bentuk yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa dan dilanggan oleh Pelanggan dan hendaklah termasuk maklumat yang diperlukan oleh Bank; dan
 - (e) mesti diterima sekurang-kurangnya 1 Hari Perniagaan penuh sebelum hari di mana bayaran perlu dibuat atau sebarang waktu akhir yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa. Apabila arahan diterima selepas waktu akhir yang ditetapkan, arahan akan diproses pada Hari Perniagaan seterusnya atau hari lain seperti yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlak.
- 3.4. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebenaran, kelengkapan dan ketepatan Maklumat Pelanggan, dan bahawa akaun Pembayar mampu membuat pembayaran dan/atau membenarkan kutipan dana menerusi sistem Easi-DirectDebit. Sebarang pengembalian atau pemulangan hendaklah dikendalikan sepenuhnya oleh Pelanggan di luar sistem Easi-DirectDebit. Pelanggan hendaklah memastikan Maklumat adalah dalam format sesuai yang boleh dimuat masuk oleh Bank secara langsung daripada CD atau Disket (mengikut keadaan) ke dalam sistem Easi-DirectDebit. Pelanggan hendaklah selanjutnya memastikan bahawa CD atau Disket tidak mengandungi sebarang data atau arahan yang salah atau kurang bermutu atau yang tidak betul atau rosak atau dijangkiti atau diserang virus. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul daripada ketidakpatuhan Pelanggan kepada Fasal ini dan/atau bagi sebarang ganti rugi, kos, kerugian, perbelanjaan walau bagaimana ia timbul kerana arahan atau maklumat yang tidak lengkap, tanpa kebenaran, tidak mencukupi dan kurang tepat.
- 3.5. Selain daripada menghantar kepada Pelanggan dalam bentuk CD atau Disket, keputusan proses kutipan yang dijana oleh sistem Easi-DirectDebit, Bank tidak diwajibkan untuk memaklumkan Pelanggan tentang sebarang debit dan/atau kredit yang dilaksanakan dan/atau penolakan sebarang arahan Pelanggan.

4. Easi-GIRO

- 4.1. Perkhidmatan Easi-GIRO membentuk sebahagian daripada perkhidmatan Interbank GIRO Bank yang dilaksanakan menerusi sistem Easi-GIRO, yang membenarkan pelanggan yang mempunyai akaun dengan institusi kewangan ahli untuk membuat bayaran antara bank atau memindahkan bayaran kepada dan daripada akaun yang disenggarakan dengan institusi kewangan ahli yang turut serta di mana dibenarkan.

- 4.2. Apabila Pelanggan membenarkan Bank untuk membuat bayaran kepada akaun mana-mana pihak menurut arahan yang diberikan oleh Pelanggan dan untuk mendebitkan bayaran daripada akaun Pelanggan menerusi perkhidmatan ini, Bank berhak untuk memproses arahan tersebut. Pelanggan akan memastikan bahawa akaun penerima atau akaun pengutip dapat menerima bayaran dan/atau kutipan dana menerusi sistem Easi-GIRO.
- 4.3. Sebarang arahan daripada Pelanggan untuk membuat Bayaran menerusi Perkhidmatan ini:-
- (a) hendaklah disertakan dengan cakera padat ("CD") atau disket komputer ("Disket") atau pemacu pena mengandungi maklumat sedemikian ("Maklumat") termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan penerima (seperti nama, nombor akaun, institusi kewangan di mana akaun disenggarakan, jumlah perlu dibayar kepadanya);
 - (b) bayaran mesti didebitkan daripada akaun Ringgit Pelanggan yang disenggarakan dengan Bank, yang hendaklah mempunyai dana yang mencukupi;
 - (c) tertakluk kepada maksimum RM100,000.00 setiap urusan niaga atau had lain yang dinyatakan oleh Bank dari masa ke masa dan tertakluk kepada akaun dikendalikan dengan cara yang memuaskan. Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa akaun Pelanggan mempunyai dana yang mencukupi untuk membuat bayaran penuh kepada semua Benefisiari menurut mana-mana arahan. Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) menolak semua atau sebahagian daripada mana-mana arahan kepada Pelanggan, jika akaun Pelanggan telah atau mungkin tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan sebarang arahan;
 - (d) hendaklah dengan cara dan bentuk yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa dan dilanggan oleh Pelanggan dan termasuk maklumat yang diperlukan oleh Bank; dan
 - (e) mesti diterima sekurang-kurangnya 1 Hari Perniagaan penuh sebelum hari di mana bayaran perlu dibuat atau sebarang waktu akhir yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa. Apabila arahan diterima selepas waktu akhir yang ditetapkan, arahan akan diproses pada Hari Perniagaan seterusnya atau hari lain seperti yang ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya.

Pemrosesan arahan juga akan tertakluk kepada terma dan syarat dan/atau kelulusan institusi kewangan yang turut serta di mana akaun penerima atau akaun pengutip disenggarakan.

- 4.4. Bank tidak diwajibkan untuk memaklumkan pelanggan tentang:-
- (a) sebarang debit dan/atau kredit yang dilaksanakan;
 - (b) penolakan (jika ada) sebarang arahan atau keputusan kiriman dana daripada akaun pelanggan kepada akaun penerima atau akaun pengutip.
- Pelanggan boleh mendapatkan maklumat tersebut daripada penyata akaun.
5. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebenaran, kelengkapan dan ketepatan arahan dan maklumat Pelanggan, dan bahawa akaun penerima atau akaun pengutip mampu menerima bayaran dan/atau kutipan dana menerusi sistem Easi-GIRO. Sebarang pengembalian dan pemulangan dana hendaklah dikendalikan oleh pelanggan di luar sistem Easi-GIRO dan hendaklah tidak membabitkan Bank. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa maklumat adalah dalam format sesuai yang mampu dimuat masuk oleh Bank secara langsung daripada CD atau disket atau pemacu pena (mengikut keadaan) ke dalam sistem Easi-GIRO. Pelanggan hendaklah selanjutnya memastikan bahawa CD atau disket atau pemacu pena tidak mengandungi sebarang data atau arahan yang salah atau kurang bermutu atau yang tidak betul atau rosak atau dijangkiti atau diserang virus. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul daripada ketidakpatuhan Pelanggan kepada Fasal ini dan/atau bagi sebarang ganti rugi, kos, kerugian, perbelanjaan tidak kira bagaimana ia timbul kerana arahan atau maklumat yang tidak lengkap, tanpa kebenaran, tidak mencukupi dan kurang tepat.

6. Peranan Bank hanya sebagai perantara yang memuat masuk Maklumat (atas dasar “sedia ada”) yang diterima daripada Pelanggan ke dalam sistem Easi-GIRO, dan membuat bayaran menerusi sistem Easi-GIRO, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga dalam apa jua bentuk (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, peluang, keuntungan, muhibah, ganti rugi langsung atau tidak langsung, punitif atau khas), walaupun jika Bank telah dinasihatkan tentangnya oleh Pelanggan dan oleh sebab kelewatan, ketinggalan atau kesilapan dalam transmisi elektronik atau penerimaan sebarang data atau sebarang kesalahan atau kegagalan untuk menyediakan Perkhidmatan. Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Bank tidak mempunyai kawalan terhadap tindakan, ketinggalan atau ketepatan masa institusi kewangan lain yang turut serta (termasuk dan tidak terhad kepada, Bank Penerima) dan sehubungan dengan itu, tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun.
7. Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Pelanggan dengan ini memperakui dan bersetuju bahawa Perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada peraturan, ketetapan, manual dan garis panduan yang berkuatkuasa dari masa ke masa ke atas sistem Easi-GIRO. Tanpa mengehadikan sifat umum kenyataan di atas, jika Pelanggan adalah penerima dana daripada mana-mana orang (“Pembayar”) menerusi sistem Easi-GIRO, Bank hendaklah berhak untuk memulangkan kepada Bank Pembayar/Pembayar dan untuk tujuan tersebut, mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank, semua atau mana-mana bahagian jumlah yang diterima ke dalam akaun Pelanggan dengan Bank:-
 - a) atas permintaan bank pembayar dan tanpa notis kepada Pelanggan, jika permintaan tersebut diterima oleh Bank pada hari urus niaga sebelum waktu akhir sistem Easi-GIRO (“Waktu Akhir”); atau
 - b) atas permintaan bank pembayar dan dengan notis kepada Pelanggan, jika permintaan tersebut diterima oleh Bank selepas Waktu Akhir tetapi dalam tempoh 7 hari daripada tarikh urus niaga (“Tarikh Akhir”) (untuk tujuan mengira 7 hari, tarikh urus niaga dikecualikan); atau
 - c) atas permintaan bank pembayar dan dengan kebenaran bertulis Pelanggan:-
 - i. jika permintaan dibuat selepas Tarikh Akhir; atau
 - ii. jika permintaan disebabkan kesilapan Pembayar untuk membuat bayaran dan permintaan dibuat selepas Masa Akhir.

Pelanggan memperakui dan bersetuju bahawa Fasal 7(a) dan 7(c) adalah tertakluk kepada perubahan kepada peraturan, ketetapan, amalan dan garis panduan daripada sistem Easi-GIRO dari masa ke masa. Pelanggan selanjutnya memperakui dan bersetuju bahawa Bank tidak diwajibkan untuk bertanya tentang hakikat dan keadaan bagi sebab untuk permintaan untuk pemulangan dan boleh bergantung dan bertindak menurut sebab atau maklumat yang diberikan oleh bank pembayar. Selain itu, bagi Fasal 7(b), Bank diberi kuasa untuk memulangkan dan untuk tujuan tersebut mendebitkan jumlah daripada akaun Pelanggan selagi bank pembayar tidak mendedahkan bahawa pemulangan adalah disebabkan kesilapan Pembayar.